

Teks Ucapan
Dato' Hj. Jumaat Dato' Hj. Mohd Noor
Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif
Persatuan Sejarah Malaysia
Pada Mesyuarat Tahunan Majlis PSM Ke-66

Assalamualaikum w.b.t
Yang Berbahagia Ahli-ahli Majlis PSM
Saudara-saudari Perwakilan
Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif

1. Syukur Alhamdulillah, baik dan sihat sekali kita diizinkan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Majlis PSM tahun 2021 ini secara maya, untuk kali keduanya selepas tahun 2020.
2. Sukacita sekali saya mengalu-alukan semua pihak yang bersedia pada hari ini untuk menyempurnakan sidang kita ini, walaupun dirasakan dalam serba keterbatasan. Diharap kita dapat menjayakan sidang ini dengan apa sahaja hasil-hasil dan pendapat yang baik secara silaturahim untuk kebaikan PSM seterusnya.
3. Pada sidang yang kita adakan hari ini, genaplah 643 hari atau selama hampir 2 tahun, negara dan kita rakyat semua melalui dan

mengalami suasana darurat Pandemik Covid-19, terkawal, terbatas dan adakalanya terkurung dengan penguatkuasaan PKP dan pelbagai SOP.

4. Hingga ke saat ini, sejarah Pandemik Covid-19 dalam negara telah mengakibatkan seramai lebih 2,707,402 juta rakyat telah dijangkiti, dan seramai 30,956 jiwa telah maut terkorban.

Tidak syak lagi, kita yang selama ini menjadi pemerhati, penerima dan penanggung ancaman wabak ini, masih dan sedang membawa kesan dan 'parut-parut' keharuan dan kesedihan.

5. Bersama-samalah kita 'kuat berdoa' kehadiran Allah s.w.t, serta patuh mengamalkan disiplin bermasyarakat, agar wabak ini dapat diatasi dan kita kembali dalam alam negara yang sihat sejahtera.
6. Saya percaya semasa melalui keadaan yang terbatas ini, semua pihak dikalangan ahli-ahli PSM telah berusaha melakukan apa yang termampu dan terdaya. Khusus sekali saya percaya urusan tadbiran organisasi yang menjadi teras dan pertanggungjawaban tidak terabai.

Terima kasih kerana menjaga kewibawaan secara tekun dan berperihatin.

Tuan-tuan dan Saudara-saudari sekalian

7. Diperingkat Ibu Pejabat PSM, suasana urusan organisasi berjalan teratur, tetapi kita kehilangan tenaga tunjang kita, iaitu Bendahari Agung Kehormat, Tuan Hj. Abdul Rahman Hj. Mohd Ali, kerana keuzuran kesihatan, telah awal-awal tahun lagi melepaskan jawatan dan juga berhenti daripada keanggotaan Jawatankuasa Eksekutif.

Begitu lama beliau berjasa kepada PSM, maka kepadanya diucapkan ribuan terima kasih, serta didoakan beliau berada dalam kesihatan yang mensejahterakan.

8. Di sidang Mesyuarat Tahunan Majlis ke-66 ini, PSM khasnya turut merakamkan ucapan TAKZIAH diatas kembalinya ke-Rahmatullah, Tan Sri Sabaruddin Chik pada 5 Disember 2021. Allahyarham yang pernah menjawat jawatan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dari tahun 1987 hingga 1998, dari segi Perlembagaan PSM, terlantik sebagai Naib Presiden PSM.

Dalam masa lebih sedekad itu, beliau amat berperihatin tentang pembangunan PSM. Sukacita disebutkan dalam lawatan kunjungan

kehormat kepadanya oleh Jawatankuasa Eksekutif PSM, beliau sukacita menghulurkan bantuan grant kepada PSM.

Moga-moga Allah mencucuri Rahmat ke atas rohnya dan meletakkan beliau dikalangan para solehin.

Al-Fatihah.

Tuan-tuan dan Saudara-saudari Sekalian.

Sukacita saya menyatakan perkara-perkara berikut, terlaksana diuruskan oleh PSM

1. Pertandingan Menulis Esei Sejarah Malaysia 2020

1.1 PSM induk gembira dapat dapat mengatur dan menguruskan program yang teras seperti Pertandingan Menulis Esei Sejarah 2020 apabila dilanjutkan ke bulan Mac 2021 dikalangan para pelajar. Pertandingan ini selamat dijayakan dan sambutan daripada pelajar-pelajar sekolah walaupun menghadapi keadaan persekolahan yang terganggu amat mengembirakan.

Malahan amat menarik sekali didapati jumlah peserta dalam pertandingan ini lebih ramai

meningkat berbanding dengan tahun-tahun lampau.

Dengan itu hubungan PSM dengan masyarakat pelajar dan sekolah tidak terputus sama sekali dan perhubungan PSM dengan Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri amat menghasilkan.

1.2 Bagi tahun 2021, Pertandingan Menulis Esei Sejarah ini lebih-lebih diberikan signifikan dan usaha yang meluas, apabila dengan kerjasama Arkib Negara, pertandingan tersebut dimasyhurkan akan terlaksana dalam rangka Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan Malaysia Ke-66.

Tajuk karangannya pun tunggal, iaitu Mengenai Perdana Menteri Malaysia. Berkaitan pelaksanaan anjuran Bersama ini, PSM menyampaikan setinggi penghargaan dan sanjungan kepada Arkib Negara.

Ini satu perubahan besar dan bermakna pada Program Pertandingan kita selama ini (yang sudah berlangsung berdekad-dekad lamanya. Tentunya satu hasil penulisan terkemuka dan bernilai dan nanti pula susulannya, satu terbitan buku yang 'gemilang' dalam khazanah penulisan dan rujukan akan diperolehi dan dimanfaatkan.

2. Sayembara Menulis Novel Sejarah Untuk Remaja

Pada tahun 2021 ini, projek yang telah dijayakan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, sebanyak dua kali (tahun 2019 dan 2020) akan dilaksanakan untuk 'musim ke-3'. PSM telah mengesahkan untuk meneruskan projek anjuran Bersama ini, khususnya memperuntukkan dana seperti yang terdahulunya.

Kewibawaan DBP menjayakan Sayembara Musim Ke-3 pasti terjamin, dan bakal lahir lah tambahan novel-novel berkenaan yang boleh membanggakan.

Diberitakan terbitan judul-judul buku hasil dua pertandingan yang telah berlangsung dengan ulangan cetak, menunjukkan ada sambutan popular dikalangan khalayak.

3. Pertandingan Kuiz Sejarah dan Patriotisme

Pada tahun ini acara tahunan Pertandingan Kuiz Sejarah dan Patriotisme dikalangan pelajar sekolah tidak dapat dilangsungkan, menjadikan program hubungan dengan sekolah-sekolah menjadi 'sepi dan tertinggal'.

Suasana Pandemi Covid-19 sungguh mengganggu dunia persekolahan dan gerakan aktiviti para pelajar.

PSM memang ada peruntukan dana tahunan untuk acara ini. Insya Allah bagi tahun mendatang, dengan kedapatan suasana 'sihat dan selamat', program kuiz yang begitu berprestige dikalangan pelajar-pelajar penggiat sejarah dan Ilmu Sejarah ini akan dapat dipulihkan.

4. Kewangan dan Urusan

Berkaitan dengan kewangan PSM, suka sekali saya perkatikan bahawa kedudukannya tidak menyusahkan tanggungjawab dan komitmen PSM, walaupun ketara sekali impak Pandemi Covid-19 mengakibatkan pendapatan daripada sewa-sewaan premis/ruang-ruang di Wisma kita semacam berkurangan hampir 25%.

Bersama-samalah Tuan-tuan/Saudara-saudari meneliti Laporan Kewangan yang saya anggap "sihat dan menyenangkan" sekali.

Tuan-tuan dan Saudara-saudari sekalian.

Tahun 2022 nampaknya akan terus merupakan kesinambungan 'zaman darurat' Pandemi Covid-19, walaupun dengan kemungkinan ada berbangkit situasi kelegaan dan kesempatan merancang dan melakukan program-program dan kegiatan rutin tahunan, ataupun program-program ciptaan dan impian baru.

PSM akan bersikap aktif dan mengusahakan langkah-langkah baru dengan mengambil kira dan panduan bahawa keterbatasan gerakan dan organisasi mengakibatkan usaha-usaha kita terkawal dan bersifat minimal.

Namun saya percaya ahli-ahli PSM di Cawangan-cawangan negeri, tentunya mampu dan berwibawa, secara setempat dan wilayah sendiri, merancang dan melakukan apa-apa sahaja agenda dan program/kegiatan sebagai pengisian calendar tahun 2022.

Saya serukan, inilah gerakan dan wadah kita, menyerlahkan PSM pada tahun 2022.

Wassalam dan Selamat Bersidang.